

**SKIM PERKHIDMATAN  
PEGAWAI TADBIR**

**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN

**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

<b>Gred</b>	<b>Jadual Gaji Minimum-Maksimum</b>		
<b>Gred N41</b>	:	RM1910.02	- RM6799.30
<b>Gred N44</b>	:	RM3362.91	- RM7114.68
<b>Gred N48</b>	:	RM4914.87	- RM8221.41
<b>Gred N52</b>	:	RM5531.25	- RM8955.52
<b>Gred N54</b>	:	RM5831.57	- RM9564.47

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c) (i) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41 : RM 1,910.02); atau  
  
(ii) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41 : RM 2,114.43); atau  
  
(iii) Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41 : RM 2,216.64)
- dan (d) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN  
PANGKAT SECARA  
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir, Penolong Pegawai Tadbir Tanah, Penolong Pegawai Tanah, Penghulu dan Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N41 tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-
- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau  
(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI  
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas Gred N41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

4. Pegawai Tadbir Gred N41 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

5. Pegawai Tadbir boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM  
TRANFORMASI MINDA/  
PEPERIKSAAN**

6. Pegawai Tadbir Gred N41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Tranformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM  
PERKHIDMATAN**

7. Pegawai Tadbir Gred N41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah :-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya Program Tranformasi Minda yang ditetapkan dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan

**PERGERAKAN GAJI  
TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED N44**

9. Pegawai Tadbir Gred N41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N44 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;

- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan
- KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED N48**
10. Pegawai Tadbir Gred N44 adalah layak dipertimbang bagi jawatan kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N48 yang kosong apabila telah :-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
  - (b) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan
- KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED N52**
11. Pegawai Tadbir Gred N48 adalah layak dipertimbang bagi jawatan kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N52 yang kosong apabila telah :-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
  - (b) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan
- KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED N54**
12. Pegawai Tadbir Gred N52 adalah layak dipertimbang bagi jawatan kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N54 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
  - (b) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan
- KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED YANG LEBIH  
TINGGI**
13. Pegawai Tadbir Gred N54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.